



Disahkan:

Pengerusi

UNTUK SIMPANAN ANGGOTA

KELAYAKAN MENJADI ANGGOTA

12. Keanggotaan Federasi ini terbuka kepada semua koperasi yang menjalankan aktiviti dibawah sektor pertanian dan industri asas tani.

FI MASUK

14. (1) Tiap-tiap permohonan menjadi anggota hendaklah disertakan dengan fi masuk sebanyak RM1,000.00 (Ringgit: Satu Ribu sahaja). Fi masuk itu turut menurut perenggan 50(a) Akta akan dikembalikan kepada pemohon jika permohonannya ditolak oleh Lembaga.
(2) Bekas anggota yang memohon untuk menjadi anggota semula dikenakan fi masuk sebanyak RM2,000.00 (Ringgit : Dua Ribu sahaja).
(3) Semua fi masuk hendaklah dikreditkan ke dalam akaun untung rugi.

AKUAN ANGGOTA

15. (1) Tiap-tiap koperasi yang menjadi anggota hendaklah, melalui individu yang diberi kuasa olehnya, menandatangani suatu ikrar bahawa ia akan terikat dengan undang-undang Kecil ini dan aturan aktiviti yang sedia ada serta apa-apa pindaan yang dibuat dengan sah.
(2) Sesuatu koperasi yang telah menjadi anggota dengan sebab turut sama dalam membuat permohonan bagi pendaftaran Federasi ini, dikehendaki menandatangani ikrar menurut fasal (1), melalui individu yang diberi kuasa olehnya, dalam dalam tempoh empat puluh lima hari selepas diterima perakuan pendaftaran Federasi.

PENERIMAAN MENJADI ANGGOTA

16. Penerimaan menjadi anggota hendaklah dipertimbangkan oleh Lembaga dalam mesyuaratnya yang boleh menerima atau menolak sesuatu permohonan itu. Sesuatu koperasi yang diterima menjadi anggota hendaklah diberitahu secara bertulis dalam tempoh tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas penerimaannya itu.

PEROLEHAN HAK, KEWAJIBAN DAN LIABILITI ANGGOTA

17. Menurut seksyen 28 Akta, tiap-tiap anggota yang telah menjelaskan bayaran RM5,000.00 (Ringgit : Lima ribu sahaja) syer boleh melaksanakan segala hak, kewajiban dan liabiliti sebagai anggota, sebagaimana yang terkandung di dalam undang-undang kecil ini.

HILANG KELAYAKAN SEBAGAI ANGGOTA

20. Sesuatu anggota akan hilang kelayakan sebagai anggota jika :
(a) pendaftarannya dibatalkan di bawah Akta;
(b) tidak lagi menjalankan aktiviti di bawah sektor pertanian dan industri asas tani; dan
(c) disabitkan dengan suatu kesalahan bawah Akta Koperasi 1993 atau akta lain yang berkuat kuasa

TERHENTI MENJADI ANGGOTA

21. Keanggotaan sesuatu anggota terhenti atas sebab berikut :
(a) hilang kelayakan sebagai anggota menurut Undang-undang Kecil 20; atau
(b) menarik diri menurut Undang-undang Kecil 22.

MENARIK DIRI

22. (1) Sesuatu anggota boleh menarik diri daripada Federasi ini dengan memberi notis bertulis dua bulan terlebih dahulu kepada Lembaga. Atas sebab yang munasabah, Lembaga boleh membenarkan penarikan diri dalam tempoh yang singkat.
(2) Melainkan tarikh lebih awal dipersetujui oleh Lembaga, maka keanggotaan anggota itu hendaklah terhenti hanya pada hari genap tempoh notisnya.
(3) Dalam tempoh notis itu, anggota yang demikian hendaklah masih mempunyai hak, kewajipan dan liabiliti sebagai anggota.